

# Lawatan Ke Global E-Technic Sdn. Bhd. (Perlis Power Plant)

*Ayu Wazira Azhari (Pensyarah)*

Pada tanggal 16 Oktober 2008, sekumpulan pelajar tahun tiga PPKAS dengan diiringi oleh tiga orang staf telah mengadakan suatu lawatan sambil belajar ke Global E-Technic Sdn. Bhd. atau lebih dikenali sebagai Perlis Power Plant. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada kerja kursus bagi kursus Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) untuk pelajar tahun tiga PPKAS.

Matlamat utama lawatan ini diadakan ialah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang sistem ISO 14000 serta sistem pengurusan alam sekitar dan kawalan pencemaran yang telah dilaksanakan di Global E-Technic Sdn. Bhd. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan secara langsung tentang situasi pekerjaan sebenar.

Setibanya di Global E-Technic Sdn Bhd, taklimat berkenaan pengendalian operasi disampaikan oleh Encik Nik Ahmad Kamal Nik Mustapha selaku Pengurus Stesen. Setelah selesai sesi taklimat, para peserta telah dibawa melawat ke sekitar kawasan stesen serta diberikan penerangan lebih lanjut berkenaan operasi yang dijalankan serta kaedah pengurusan dan pengawalan alam sekitar yang telah dijalankan oleh Global E-Technic Sdn. Bhd. Sebelum berangkat pulang, para peserta telah dihidangkan dengan minum petang dan bergambar untuk kenang-kenangan.